

# Warga UMP sumbang kali kedua bantu Palestin

*“Saya merasa bangga dengan semangat persaudaraan yang ditunjukkan oleh warga UMP.*



**W**arga Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini telah menyumbang buat kali kedua untuk Tabung Dana Kemanusiaan Palestin (DAKAP) anjuran Kumpulan Utusan dan Islamic Relief Malaysia (IRM).

Kutipan kilat selama dua jam itu berjaya mengumpul sebanyak RM3,853 dari seluruh warga UMP yang hadir di Majlis Amanat Tahunan Naib Canselor 2009 di Kompleks Sukan UMP pada 2 Februari 2009 yang lalu.

Sumbangan itu adalah sumbangan buat kali kedua di mana bulan lalu warga UMP menyerahkan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengisi Tabung Kemanusiaan Gaza.

Menurut Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, seluruh warga UMP berasa amat simpati ke atas nasib dan kesengsaraan rakyat Palestin akibat tindakan kejam Israel.

“UMP perlu buat apa yang boleh dan inilah yang mampu universiti lakukan.

“Saya merasa bangga dengan semangat persaudaraan yang ditunjukkan oleh warga UMP.

“Sebenarnya, sumbangan ini tidaklah seberapa jika dibandingkan dengan penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin yang menjadi mangsa keganasan tentera rejim Zionis ketika ini,” katanya.

Beliau menambah, sumbangan itu hanyalah ibarat setitis air di lautan jika hendak dibandingkan dengan kesengsaraan yang mereka alami sehingga ada yang hilang anggota keluarga dan juga sahabat handai.

Jelasnya, rakyat Palestin kini amat memerlukan sumbangan dari segi perubatan, makanan, pakaian dan sebagainya.

Beliau seterusnya melahirkan rasa kecewanya dengan sikap masyarakat antarabangsa yang hanya bertindak selepas kemusnahan berlaku ke atas penduduk Palestin.